

KHUTBAH JUMAAT

“HALALAN TOYYIBAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

(1 Oktober 2021M/ 24 Safar 1443H)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ، أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّديدِ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: “**Halalan Toyyiban Tanggungjawab Bersama**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Menurut ajaran Islam, prinsip umum berkenaan makanan adalah harus untuk makan apa sahaja makanan kecuali makanan dan minuman yang ditegah oleh syarak. Antaranya ialah makanan dan minuman yang boleh memudaratkan, memabukkan atau

telah bercampur dengan najis. Keharusan ini bertepatan dengan satu kaedah fiqh iaitu:

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلُّ الدَّلِيلُ عَلَى التَّحْرِيمِ

Maksudnya: *Hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus sehinggalah datangnya dalil yang menunjukkan kepada keharaman (perkara tersebut).*

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap muslim memastikan makanan yang dipilih adalah halal lagi baik serta menjauhi yang haram dan perkara-perkara *syubhah* (yang tidak pasti halal atau haramnya) untuk semua umat manusia tidak kira agama dan bangsa. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang terang nyata bagi kamu.*

Syeikh Muhammad Ali as-Sobuni *rahimahullah* dalam kitab tafsirnya *Sofwah at-Tafasir* menjelaskan bahawa ayat tadi ditujukan kepada semua manusia secara umumnya iaitu supaya mengambil makanan yang baik yang dihalalkan oleh Allah

subhanahu wata'ala yang baik pada dirinya, tidak memberi mudarat terhadap badan dan akal.

Justeru, mimbar yang mulia ingin menegaskan bahawa makanan yang halal lagi baik di sisi syarak adalah daripada sumber yang halal, bersih zatnya, suci kaedah perolehan dan penyediaannya serta bebas daripada sebarang kemudharatan, sebaliknya sesuatu makanan yang haram sekalipun lazat rasanya, harum baunya tetap keji di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Konsep Halalan Toyyiban adalah satu standard kualiti yang Allah *subhanahu wata'ala* telah tetapkan untuk keperluan hidup umat manusia. Pada dasarnya, fitrah semua manusia berkehendak kepada perkara yang baik sahaja, terutamanya dalam aspek pemakanan. Ini kerana, makanan yang dimakan akan menjadi darah daging manusia, yang menentukan baik dan buruknya seseorang sama ada kehidupan di dunia dan akhirat. Sayyidina Jabir bin Abdillah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ ، النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ))

Maksudnya: Tidak akan masuk ke dalam syurga tubuh badan yang tumbuh daripada sumber yang haram, dan neraka adalah lebih wajar sebagai tempat kembalinya.

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Justeru, menjadi tanggungjawab bagi semua pihak untuk mendukung konsep “Halalan Toyyiban” dengan melaksanakan fungsi dan peranan masing-masing sama ada di pihak pemerintah, pengusaha dan pengguna.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Di kesempatan ini mimbar ingin menegaskan bahawa menjadi tanggungjawab pihak-pihak yang berkenaan dalam mendukung konsep “Halalan Toyyiban”;

Pertama: Tanggungjawab Pemerintah

Pihak pemerintah berperanan mengeluarkan satu bentuk perakuan seperti “Sijil Pengesahan Halal Malaysia” (SPHM) sebagai jaminan proses penyediaan sesuatu makanan, bahan gunaan atau produk adalah halal lagi baik. Pihak pemerintah juga memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan setiap proses permohonan Pensijilan Halal Malaysia melalui prosedur, standard dan garis panduan yang ditetapkan. Dengan adanya pensijilan halal, pengguna mudah untuk membuat semakan dan memastikan premis makanan, produk atau barang gunaan itu terjamin sifat halalnya. Semakan status halal boleh dibuat melalui pelbagai medium seperti laman web (Portal Halal Malaysia) dan aplikasi telefon pintar. Majlis Islam Sarawak juga telah membangunkan aplikasi “Jejak Halal” sebagai satu platform memudahkan umat Islam untuk mendapatkan informasi status terkini berkenaan dengan halal di Negeri Sarawak.

Selain itu, pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan halal telah dilaksanakan secara berterusan demi memastikan pematuhan terhadap standard pensijilan halal Malaysia bagi mengelakkan penyelewengan serta salah guna dalam aspek penandaan dan perakuan halal.

Pihak kerajaan juga telah memainkan peranan dalam memberi pendidikan halal kepada semua lapisan masyarakat melalui pelbagai aktiviti dan program seperti bengkel, seminar, ceramah, kursus dan sebagainya. Antaranya ialah Kursus Sembelihan, Ceramah Kesedaran Halal, Bengkel Galakan Pensijilan Halal, dan juga Ceramah Konsep Halalan Toyyiban. Hal ini adalah bagi memastikan masyarakat menyedari kepentingan halal dalam kehidupan.

Kedua: Tanggungjawab Pengusaha

Pengusaha juga memainkan peranan yang amat penting dalam menyediakan dan mengeluarkan produk barangan dan perkhidmatan yang halal kepada masyarakat Islam khususnya dan seluruh umat manusia amnya. Pengusaha haruslah memastikan sumber yang digunakan adalah sumber yang benar-benar jelas halalannya dan menjauhi barang-barang yang haram dan syubhah. An-Nu'man bin Basyir *radiallahu anhu* meriwayatkan sabdaan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud :

“Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di

antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhat (samar-samar) yang tidak diketahui oleh ramai manusia. Maka siapa yang takut terhadap syubhat bererti dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhat, maka akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan”.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Selain itu, menjadi tanggungjawab pengusaha untuk menyahut dan mematuhi piawaian halal yang telah ditetapkan oleh pihak pemerintah dalam penyediaan dan pengendalian makanan, produk, perkhidmatan dan barang gunaan. Pihak pemerintah telah menyediakan platform yang jelas dan pihak pengusaha hanya perlu mengikut dan mematuhi undang-undang dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Sebagai seorang muslim, sememangnya segala usaha yang dicurahkan para pengusaha ini merupakan satu tuntutan yang amat digalakkan dalam Islam. Setiap penat lelah para pengusaha dalam menyediakan makanan yang halal lagi baik akan diganjar oleh Allah *subhanahu wata'ala* dan dikira sebagai ibadah. Sudah pasti tuntutan ibadah ini amat tinggi nilainya di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Oleh yang demikian, beruntunglah para pengusaha yang melakukan usaha menurut apa yang digariskan oleh syarak kerana bukan sahaja mendapat imbuhan dunia malah mendapat ganjaran yang amat besar di

sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Daripada Abu Sa'id *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ))

Maksudnya: *Peniaga yang benar lagi jujur akan dibangkitkan di akhirat berada bersama para Nabi, Siddiqin dan orang yang mati syahid.*

(*Hadis riwayat Imam at-Tirmizi*)

Ketiga: Tanggungjawab Pengguna

Sebagai pengguna, menjadi kewajipan kepada kita semua untuk menyediakan dan mencari sumber yang halal itu untuk diri dan orang yang di bawah tanggungjawab kita. Pada masa yang sama kita ditegah untuk mengambil sesuatu yang haram dan syubhah. Ini bertepatan dengan hadis daripada Baginda Nabi *sallallahu alaihi wasallam*;

((طَلَبُ الْحَلَالِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ))

Maksudnya: *Mencari yang halal itu wajib ke atas setiap orang Islam.*

(*Hadis riwayat Imam at-Tabarani*)

Dalam hadis tadi, baginda Nabi *sallallahu alaihi wasallam* menegaskan bahawa mengambil yang halal ke atas setiap orang Islam adalah wajib. Dalam konteks sebuah keluarga, ibu bapa perlu memastikan setiap ahli keluarga memahami sebaik mungkin tuntutan halal dan tegahan terhadap haram serta

menjauhi perkara-perkara yang syubhah .Menjadi tanggungjawab setiap ahli keluarga mendapatkan keperluan yang halal sahaja. Pilihlah barangan yang mempunyai logo halal terutamanya Logo Halal Malaysia dan juga logo halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM dan Majlis Islam Sarawak. Pengguna boleh memuat turun senarai pengiktirafan terkini logo halal melalui Portal Halal Malaysia dan aplikasi “Smart Halal” dan “Jejak Halal” yang telah disediakan.

Selain itu, peranan masyarakat seperti institusi Masjid, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan hendaklah menyokong usaha-usaha dalam membangunkan dan memperkasakan industri halal khususnya di Negeri Sarawak.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagai kesimpulan; Islam amat menitikberatkan persoalan makanan yang halal lagi baik kepada umat manusia. Menjadi tanggungjawab semua pihak agar memilih halal sebagai suatu kemestian dalam kehidupan seharian.

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Ma'idah, ayat 88:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ

Maksudnya: *Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama sentiasa mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Bagi yang belum menerima vaksin, dianjurkan agar segera mendapatkannya sebagai ikhtiar untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini dalam masyarakat. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah subhanahu wata'ala agar diangkat segera wabak ini daripada kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا
اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.